

27 MAY 2004

Malaysia-China

TEMPOH 30 TAHUN: LONJAKAN BESAR HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Pada 28 Mei 1974, satu sejarah telah diukir, apabila Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak Hussein memulakan lawatan rasmi enam hari ke Republik Rakyat China.

Pada masa itu, Perang Indochina masih lagi berlaku dan Perang Dingin muncul mengenai perbezaan ideologi yang kuat.

Pasukan keselamatan Malaysia masih lagi berjuang menentang peperangan dengan pemberontakan komunis dan China dilihat oleh sesetengah pihak sebagai penyokong kepada komunis dan pergerakan subversif dan menjadi ancaman kepada demokrasi liberal.

Dalam menhadapi perkembangan geopolitikal, Abdul Razak mengambil tindakan berani dan tegas. Di China, Abdul Razak menemui pada ketika itu

Perdana Menteri China Chou En-lai dan pengerusi Mao Tse-tung.

Satu kenyataan bersama ditandatangani pada 31 Mei 1974 oleh Chou dan Abdul Razak mengumumkan bahawa kedua-dua kerajaan telah bersetuju menubuhkan hubungan diplomatik. Malaysia menjadi negara Asean pertama mewujudkan hubungan diplomatik dengan China.

Sejak itu hubungan terus terjalin. Satu era telah diwujudkan.

Kuala Lumpur dan Beijing telah maju ke hadapan dalam hubungan dua hala yang menguntungkan dalam tempoh 30 tahun ini, meliputi bidang seperti ekonomi, politik, kebudayaan, pelancongan dan pendidikan.

Dalam konteks suasana geopolitikal yang berlaku pada masa itu, ia merupakan satu pencapaian yang bermakna bagi Malaysia untuk menubuhkan hubungan dengan China dalam keadaan yang masih lagi ragu-ragu pada masa itu.

Ia juga menjadi satu titik perubahan dalam dasar luar Malaysia yang dilihat lebih sebagai pro-barat pada ketika itu.

"Secara politiknya ia merupakan satu kejayaan cemerlang ... Satu langkah besar ke arah negara ini. Banyak keberanian dan galakan," kata

presiden Persatuan Persahabatan Malaysia-China Dr M.K.Rajakumar.

Abdul Razak berjaya menjadikan Malaysia untuk dilihat sebagai sebuah

negara bebas dan berkecuali, kata beliau.

Pensyarah sejarah Abdul Rahman Ismail dari Pusat Pengajian Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia (USM) berkata tindakan Abdul Razak yang memandang ke hadapan telah membuktikan langkah yang betul walaupun terdapat keraguan daripada sesetengah pihak dalam mengadakan hubungan dengan komunis China.

"Itu barangkali satu cara kita nyatakan kita bebas (tidak dibelenggu pengaruh negara Barat dalam dasar luar). Memang pada waktu itu orang skeptikal sama ada tindakan itu betul atau tidak," kata Abdul Rahman yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang sejarah China dan Jepun.

Berdasarkan kepada sejarah, persahabatan Sino-Malaysia dan hubungan rakyatnya berlaku lebih 2000 tahun lepas. Hubungan rasmi pertama ialah apabila Laksamana Cheng Ho yang telah membuat tujuh ekspedisi bersejarah dari China ke Asia Tenggara dan negara lain di dunia yang tiba di Melaka pada pertengahan 1405.

Beberapa tahun selepas lawatan Abdul Razak, pertukaran lawatan pada peringkat tertinggi sentiasa diadakan untuk menjalin hubungan yang sedia ada dan bagi meneroka bidang kerjasama baru.

Antara mereka ialah: Naib Perdana Menteri Deng Xiaoping yang melawat Malaysia pada 1978, naib Perdana Menteri Tian Jiyun (1986), Perdana Menteri Li Peng (1990 dan 1997), Naib Perdana Menteri Yao Yilin (1992), pengerusi CPPCC Li Ruihuan (1995) dan Perdana Menteri Zhu Rongji (1999).

Presiden Yang Shangkun melawat Malaysia pada 1990 dan 1992, diikuti Jiang Zemin yang melakukan lawatan rasmi pada 1994 dan sekali lagi pada 1997 dan 1998 untuk menghadiri mesyuarat yang berkaitan dengan Asean. Naib presiden Hu Jintao melawat pada 2002.

Bagi pihak Malaysia pula, lawatan Abdul Razak ke China telah mewujudkan lebih banyak lawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, yang melawat China enam kali antara 1985 dan 2001.

Sultan Azlan Shah telah melawat ke negara itu pada 1990 dan 1991, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman (1997) dan Sultan Salahuddin

Abdul Aziz  
Shah (2001).

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang melawat China pada September tahun lepas semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, akan melakukan lawatan rasmi lima hari ke China hari ini atas jemputan kerajaan negara itu dan juga untuk memperingati ulang tahun 30 tahun penubuhan hubungan diplomatik Malaysia-China.

Bermula pada 1990, hubungan Malaysia-Sino mencapai peringkat perkembangan baru dengan kerjasama dan hubungan dalam pelbagai bidang seperti pelancongan, pendidikan, kebudayaan, sains dan kesihatan.

Yang nampak jelas ialah kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Dengan kira-kira 1.3 bilion penduduk dan kuasa beli RM23.94 trilion termasuk pertumbuhan ekonomi yang kuat, China yang kini ekonomi kedua terbesar Asia menyediakan salah satu pasaran terbaik bagi produk Malaysia dan perluasan perdagangan.

Pada 2002, dengan hubungan dagangan dua hala mencecah RM52.2 bilion, buat kali pertama, Malaysia menjadi rakan dagangan terbesar Asean untuk China, menggantikan Singapura.

Dagangan dua hala telah meningkat sejak hubungan diplomatik bermula, dengan kurang RM380 juta pada 1974 kepada kira-kira RM76 bilion pada tahun lepas dan dijangka mencapai RM95 bilion pada tahun depan.

Pada 2000, Bank of China telah membuka cawangannya di Kuala Lumpur dan dua tahun kemudian, People's Bank of China dan Bank Negara Malaysia menandatangani satu perjanjian mengenai hubungan dua hala pertukaran mata wang.

Hubungan itu merupakan sama-sama menang. Malaysia ialah pelabur ke-18 terbesar China sementara negara itu pula ialah pelabur kesembilan terbesar Malaysia.

"Masa depan hubungan Malaysia-China akan diteruskan dalam bentuk hubungan ekonomi yang kuat... Lebih lagi dengan perluasan ekonomi China," kata Abdul Rahman.

Hubungan rakyat-ke-rakyat telah juga meningkat. Pada 2001, kira-kira 460,000 pelancong China melawat Malaysia dan bilangan ini telah meningkat

kepada 560,000 pada 2002.

Pada peringkat antarabangsa pula, Malaysia dan China yang merupakan anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sebuah negara kuasa nuklear berkongsi pandangan yang sama dalam pelbagai isu seperti isu Iraq dan Palestin, pengganas, globalisasi dan keselamatan serantau.

Sebagai rakan dialog dengan Asean dan anggota Forum Serantau Asean (ARF), China telah serius sebagai rakan yang bertanggungjawab membantu meningkatkan kestabilan rantau yang terbukti apabila negara itu menandatangani Perjanjian Amiti dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) pada tahun lepas bagi meningkatkan keamanan dan kestabilan rantau.

Naib presiden China pada ketika itu Hu Jintao (kini presiden) semasa lawatan beliau ke Malaysia pada April 2002 telah mengatakan bahawa Beijing menganggap semua negara adalah sama, tanpa mengira saiznya dan negara itu membantah dasar seperti yang kuat menguasai yang lemah dan yang besar membuli yang kecil.

Abdul Rahman juga menegaskan bahawa penubuhan hubungan diplomatik Malaysia-China 30 tahun lepas dan perkembangan positif yang banyak selepas itu bukan hanya menguntungkan kedua-dua buah negara tetapi menyumbang kepada keseluruhan keamanan dan kestabilan rantau.

Dengan kedua-dua buah negara menyambut ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik mereka dan pengisytiharan 2004 sebagai Tahun Persahabatan Sino-Malaysia, Kuala Lumpur dan Beijing akan mencapai hubungan pada peringkat yang tertinggi dalam hubungan dua hala mereka.

-- BERNAMA

RV AZZ BK